

Untuk siaran segera



SIARAN MEDIA

MPOGCF DAN KERAJAAN NEGERI KELANTAN JALIN KERJASAMA PULIHARA HUTAN DAN BIODIVERSITI

KOTA BHARU, 23 SEPTEMBER - Yayasan Pemuliharaan Hijau Minyak Sawit Malaysia (MPOGCF) menandatangani Memorandum Perjanjian (MoA) dengan Kerajaan Negeri Kelantan bagi memperkuatkan usaha pemuliharaan hutan dan biodiversiti di negeri tersebut.

MOA tersebut ditandatangani oleh Pengurus Besar MPOGCF, Hairulazim Mahmud dan Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan, Yang Beramat Mulia Tengku Kaya Perkasa Dato' Dr. Tengku Mohamed Fazharudean Al-Haj bin Tengku Feissal.

Majlis itu disaksikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Perladangan dan Komoditi merangkap Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah MPOGCF, YBhg Dato' Yusran Shah Mohd Yusof dan Pengarah Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan, Yang Amat Berusaha Tuan Haji Mohd Rahim bin Ramli.

Melalui perjanjian ini, kedua-dua pihak akan bekerjasama dalam pelaksanaan projek pengurusan hutan yang terpisah akibat pembalakan, pembinaan jalan dan aktiviti perladangan yang menjelaskan kelangsungan hidup bagi spesies terancam termasuk Harimau Malaya, gajah, tapir dan beruang matahari.

MPOGCF memperuntukkan dana berjumlah RM562,000 bagi menjayakan projek konservasi di Hutan Simpan Chabang Tongkat, Machang dengan keluasan 10.5 hektar. Projek ini merangkumi fasa penanaman dan penjagaan serta rawatan pokok.

Untuk siaran segera

Projek ini menghubungkan semula hutan yang terpisah, membolehkan hidupan liar bergerak bebas antara kawasan hutan, membantu meningkatkan populasi spesies haiwan serta mengurangkan risiko kadar kemalangan jalan raya melibatkan hidupan liar.

Dalam ucapan, Dato' Yusran Shah berkata, "Perpecahan hutan bukan sahaja menyukarkan pergerakan hidupan liar, malah ia meningkatkan risiko kemalangan jalan raya dan menjelaskan rantai ekologi."

Katanya, penghutanan semula kawasan terosot dengan spesies asli akan memperbaiki ekosistem hutan, meningkatkan kualiti tanah dan mengurangkan hakisan.

"Lebih penting lagi, inisiatif ini ini menyokong Pelan Induk CFS Malaysia serta komitmen negara terhadap usaha konservasi biodiversiti, di samping meningkatkan imej positif industri sawit Malaysia di peringkat global," katanya.

Sementara itu, Yang Beramat Mulia Tengku Kaya Perkasa Dato' Dr. Tengku Mohamed Faziharudean Al-Haj berkata, projek ini mengukuhkan lagi komitmen kerajaan negeri dalam memastikan keseimbangan alam sekitar dan kemajuan ekonomi.

"MOA ini adalah bukti kerjasama erat Kerajaan Negeri dan Kementerian Perladangan dan Komoditi dalam usaha pemuliharaan biodiversiti," katanya.

Untuk siaran segera

Mengenai MPOGCF

Yayasan Pemuliharaan Hijau Minyak Sawit Malaysia (MPOGCF) merupakan inisiatif yang diperkenalkan oleh Kementerian Perladangan dan Komoditi (KPK) untuk menyokong usaha pemuliharaan berkaitan industri minyak sawit dan mencerminkan komitmennya ke arah memulihara alam sekitar.

Dengan pelbagai usaha pemuliharaan alam sekitar yang dijalankan oleh MPOGCF, adalah diharapkan ia akan meningkatkan reputasi industri minyak sawit untuk mencapai pengiktirafan global bagi amalan mampan.

MPOGCF sentiasa memerhatikan kawasan kritikal yang berkaitan dengan pemuliharaan hijau dalam industri kelapa sawit bagi perlindungan dan pengurusan jangka pendek, pertengahan dan panjang, serta pemuliharaan warisan semula jadi negara.

Kami komited dalam mempamerkan kepada dunia bahawa industri minyak sawit Malaysia adalah industri yang bertanggungjawab terhadap alam sekitar. Pembiayaan yang diberikan adalah sebahagian daripada usaha mempamerkan komitmen industri dalam memulihara alam semula jadi dan mempromosikan landskap hijau.

Bagi mendapatkan maklumat lanjut mengenai MPOGCF, sila layari www.mpogcf.org.

Dikeluarkan oleh Jabatan Komunikasi Strategik MPOGCF. Jika ada sebarang pertanyaan, sila hubungi Pengurus Komunikasi Strategik MPOGCF, Tuan Nazuri Tuan Ismail (nazuri@mpogcf.org.my / 012-3479144) atau Eksekutif Kanan Komunikasi Strategik, Mohd Ariff Ikram (ariff@mpogcf.org.my / 019-2592747)